



KERAJAAN MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2024**

---

**PENUBUHAN DAN PENGURUSAN  
JAWATANKUASA KESELAMATAN PERLINDUNGAN  
DI JABATAN KERAJAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**2 Mei 2024**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERDANA MENTERI  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Telefon : 603-8872 3333  
Faks : 603-8872 3755  
Emel : jpm@jpm.gov.my  
Web : <http://www.jpm.gov.my>

---

Ruj. Kami: CGSO.600-4/1/1(5)(S)

Tarikh: 02 Mei 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2024**

---

**PENUBUHAN DAN PENGURUSAN  
JAWATANKUASA KESELAMATAN PERLINDUNGAN  
DI JABATAN KERAJAAN**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeling Am ini bertujuan memberikan panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) dalam memastikan pengurusan keselamatan perlindungan yang lebih berkesan di semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

...2/4

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Lanskap dan senario ancaman keselamatan masa kini semakin mencabar dan tidak menentu. Ketirisan maklumat mudah berlaku dan suatu mekanisme kawalan yang mampan perlu diberi keutamaan. Menjaga dan mengawal semua aset Kerajaan juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya supaya impak negatif kepada reputasi Kerajaan dapat dielakkan. Semua Ketua Jabatan diarahkan memberi perhatian yang serius untuk meningkatkan kualiti dan tadbir urus keselamatan perlindungan di Jabatan masing-masing.
- 2.2 Perenggan 32 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) menetapkan bahawa Ketua Jabatan boleh melantik seorang pegawai kanan terdiri daripada Timbalan Ketua Jabatan sebagai Pegawai Keselamatan Jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan arahan-arahan keselamatan Kerajaan dengan mendapat nasihat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan tugas-tugas keselamatan perlindungan di Jabatan berkenaan, satu JKP yang dipengerusikan oleh Pegawai Keselamatan Jabatan hendaklah dibentuk.
- 2.3 Pembentukan JKP adalah penting bagi menjamin keselamatan aset, kerahsiaan serta kelangsungan perkhidmatan Kerajaan. Melalui JKP, langkah-langkah keselamatan perlindungan di Jabatan Kerajaan akan dapat dirancang dan dipantau, sebarang isu keselamatan akan dapat dikenal pasti dan ditangani serta langkah penambahbaikan akan dapat diambil bagi meningkatkan kualiti sistem keselamatan perlindungan.

### **3. PELAKSANAAN**

Panduan Penubuhan dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan Di Jabatan Kerajaan adalah sebagaimana yang dilampirkan bersama Surat Pekeliling Am ini untuk rujukan semua Jabatan Kerajaan.

### **4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan-peruntukan dalam Surat Pekeliling Am ini difahami dan dipatuhi sepenuhnya. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia hendaklah dihubungi dari semasa ke semasa bagi mendapatkan khidmat nasihat terutama dalam aspek pengurusan keselamatan perlindungan yang terkini.

### **5. KHIDMAT NASIHAT**

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Surat Pekeliling Am ini boleh dikemukakan kepada:-

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras -2,-1,1 & 2, Setia Perdana 7  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

Nombor Telefon	:	03-8872 6178 / 6073 / 6074
Nombor Faksimili	:	03-8888 3258
Emel	:	bipp@cgso.gov.my
Laman Web	:	<a href="http://www.cgso.gov.my">www.cgso.gov.my</a>

## 6. PEMAKAIAN

Surat Pekeliling Am ini terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## 7. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)

Ketua Setiausaha Negara

Lampiran kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2024



**KERAJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGURUSAN  
JAWATANKUASA KESELAMATAN PERLINDUNGAN  
DI JABATAN KERAJAAN**

**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN  
KERAJAAN MALAYSIA**

## **SINGKATAN**

CGSO	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
JKJK	Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan
PKJ	Pegawai Keselamatan Jabatan
PPKJ	Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan
JKP	Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan
SUK	Setiausaha Kerajaan

## **PRAKATA**

### **KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran di atas limpah kurnia dan keizinan Allah SWT, Panduan Penubuhan dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan di Jabatan Kerajaan ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan semua yang terlibat dalam penerbitan Panduan ini.

Kerajaan telah menetapkan langkah-langkah keselamatan perlindungan bagi mewujudkan persekitaran operasi dan penyampaian perkhidmatan yang diyakini serta selamat. Langkah ini termasuk tadbir urus dan pengurusan risiko keselamatan yang sistematik serta berkesan bagi membolehkan semua Jabatan Kerajaan melindungi aset dan rahsia rasmi daripada sebarang bentuk ancaman. Tanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah ini hendaklah dipikul oleh semua Jabatan Kerajaan melalui Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan di setiap peringkat seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa bagi memelihara kepentingan strategik kerajaan.

Cabar utama keselamatan kini adalah peningkatan adaptasi teknologi seperti Internet of Things (IOT), Artificial Intelligence (AI), Big Data dan Cloud Computing yang menyebabkan landskap keselamatan menjadi semakin kompleks dan risiko berkaitannya turut berkembang. Selain itu, isu kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi yang dilaporkan di Jabatan Kerajaan terutama melibatkan aplikasi media sosial merupakan suatu senario yang amat membimbangkan dan perlu diberi perhatian khusus melalui pendekatan yang holistik. Begitu juga dengan penemuan pasukan inspektorat keselamatan perlindungan CGSO berkaitan ketidakpatuhan pengurusan rahsia rasmi oleh segelintir Jabatan Kerajaan berpunca daripada kelemahan tadbir urus dan kekurangan inisiatif berupaya membahayakan aset dan kerahsiaan Kerajaan

Bagi menangani isu dan cabaran masa kini, CGSO telah membangunkan Panduan ini untuk dilaksanakan di Jabatan Kerajaan selaras dengan perenggan 32 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Panduan ini bertujuan memberi penjelasan lanjut berhubung dengan kaedah Penubuhan dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan melalui pendekatan tadbir urus dan pengurusan risiko yang sistematik bagi memastikan Jabatan Kerajaan dapat menangani sebarang isu keselamatan dengan lebih efisien dan efektif. Melalui peranan dan tugas Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan yang jelas, Jabatan Kerajaan dan Ketua Jabatan dapat mengatur langkah-langkah keselamatan perlindungan yang tersusun dan proaktif melalui kerjasama yang diperlukan dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], Arahan Keselamatan dan peraturan keselamatan yang berkuat kuasa.

Justeru, saya berharap agar panduan mengenai Penubuhan dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan di Jabatan Kerajaan ini dapat dijadikan rujukan supaya kita sama-sama dapat membentuk tadbir urus keselamatan yang berkesan demi menyediakan persekitaran keselamatan yang kondusif kepada aset dan kerahsiaan Kerajaan seiring dengan keperluan semasa.



Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali  
Pengerusi JKJK

# **KANDUNGAN**

<b>BAB 1</b> .....	1
1.1 TAFSIRAN .....	1
<b>BAB 2</b> .....	4
<b>TUJUAN DAN LATAR BELAKANG</b> .....	4
2.1 TUJUAN.....	4
2.2 LATAR BELAKANG .....	4
<b>BAB 3</b> .....	5
<b>FUNGSI DAN PERANAN</b> .....	5
3.1 FUNGSI DAN PERANAN.....	5
3.2 STRUKTUR JAWATANKUASA DAN TERMA RUJUKAN .....	6
3.3 TERMA RUJUKAN.....	7
3.4 STRUKTUR JAWATANKUASA .....	9
3.5 OBJEKTIF PENUBUHAN JKP .....	9
3.6 PERKARA YANG DIBINCANGKAN.....	10
<b>BAB 4</b> .....	11
<b>PELAKSANAAN</b> .....	11
4.1 KEKERAPAN MESYUARAT.....	11
4.2 PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN .....	11
<b>BAB 5</b> .....	12
<b>PELAPORAN</b> .....	12
5.1 MATLAMAT PELAPORAN.....	12
5.2 KAEDAH PELAPORAN .....	12
<b>BAB 6</b> .....	13
<b>PENUTUP</b> .....	13

# **PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGURUSAN**

## **JAWATANKUASA KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

### **DI JABATAN KERAJAAN**

#### **BAB 1**

#### **TAFSIRAN**

##### **1.1 TAFSIRAN**

Dalam Panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:-

**"Bahagian Keselamatan :**  ertinya bahagian yang diwujudkan di sesebuah **Perlindungan Jabatan"** jabatan untuk membantu PKJ melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan keselamatan perlindungan di Jabatan masing-masing;

**"Dasar Keselamatan :**  ertinya suatu pernyataan dasar yang dibentuk oleh Jabatan untuk menjelaskan kepada pemegang taruh, kakitangan dan pelanggan mengenai komitmen Jabatan terhadap keselamatan perlindungan serta menggariskan peranan semua pihak bagi memastikan langkah-langkah keselamatan perlindungan yang ditetapkan memenuhi keperluan serta kehendak Kerajaan. Dasar ini hendaklah disediakan melalui pernyataan bertulis, ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan dibuat hebahan seperti contoh di **Lampiran 1**;

- “Inspektorat Keselamatan Perlindungan”** : ertinya melaksanakan pemeriksaan yang meliputi aspek Keselamatan Perlindungan yang meliputi Penyelarasaran Dasar Keselamatan Perlindungan, Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi, Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekuturan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT), Keselamatan Peribadi dan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (BCMS) dengan menggunakan Senarai Semak Inspektorat Keselamatan Perlindungan sebagaimana dalam Borang KPKK 7 (Pin. 2021) yang dilampirkan di **Lampiran B** Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021;
- “Jabatan”** : ertinya Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan serta agensi-agensi lain yang kepadanya Akta 88 terpakai;
- “Ketua Jabatan”** : ertinya Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan, Ketua sesuatu perkhidmatan, Ketua Badan Berkanun, Ketua Pejabat Kerajaan Tempatan, Ketua Cawangan Kecil sesebuah Jabatan dan Ketua bagi agensi lain yang kepadanya Akta 88 terpakai;

**"Pegawai Keselamatan Kerajaan"** : ertinya pegawai yang dilantik sebagai Pegawai Keselamatan Kerajaan atau mana-mana pegawai yang berkhidmat sebagai Pegawai Keselamatan Kerajaan atau pegawai yang menjalankan tugas sebagai Pegawai Keselamatan Kerajaan;

**"Pelan Keselamatan Perlindungan"** : ertinya dokumen rasmi yang mengandungi gambaran keseluruhan sistem keselamatan perlindungan Jabatan merangkumi tadbir urus dan langkah-langkah keselamatan fizikal, keselamatan rahsia rasmi, keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), keselamatan peribadi dan pelan kesinambungan perkhidmatan. Dokumen ini menjadi rujukan utama bagi Jabatan dalam melaksanakan sistem keselamatan perlindungan dengan menerangkan tentang peranan pihak yang diberi tanggungjawab, prosedur-prosedur keselamatan dan arahan Ketua Jabatan untuk dipatuhi;

**"Pengurusan Risiko"** : ertinya satu proses yang sistematik bagi menentukan tahap keselamatan yang mencukupi dengan mengukur, menganalisis dan menilai ancaman dan kelemahan serta memilih kawalan yang sesuai dan kos efektif bagi mencapai serta mengekalkan tahap risiko yang boleh diterima oleh Jabatan bagi

menjamin kepentingan pemegang taruh dan reputasi Kerajaan;

- “PKJ”** : ertinya pegawai yang dilantik oleh Jabatan, bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan perlindungan di Jabatan masing-masing; dan
- “PPKJ”** : ertinya pegawai yang dilantik daripada setiap Bahagian, Seksyen atau Unit berdasarkan keperluan Jabatan bagi membantu tugas PKJ.

## **BAB 2**

### **TUJUAN DAN LATAR BELAKANG**

#### **2.1 TUJUAN**

Panduan ini dikeluarkan selaras dengan perenggan 32 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) (Arahan Keselamatan) untuk menjelaskan mengenai penubuhan JKP dalam memastikan pengurusan keselamatan perlindungan yang lebih berkesan di Jabatan-Jabatan Kerajaan.

#### **2.2 LATAR BELAKANG**

- (a) Arahan Keselamatan yang telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2017 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Julai 2017 dan mula dikuatkuasakan pada 8 Januari 2020 melalui Surat Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2020 yang dikeluarkan oleh CGSO, Jabatan Perdana Menteri.

- (b) Arahan Keselamatan ini telah dipinda dengan mengambil kira aspek keselamatan perlindungan secara lebih holistik dengan turut menumpukan aspek tadbir urus keselamatan perlindungan dalam Perkara V (Tadbir Urus, Pengurusan Risiko dan Pematuhan) di bawah Bab 2 (Dasar Keselamatan Perlindungan), Arahan Keselamatan.
- (c) Perenggan 32 Arahan Keselamatan menetapkan bahawa Ketua Jabatan boleh melantik seorang pegawai kanan terdiri daripada Timbalan Ketua Jabatan sebagai PKJ yang bertanggungjawab melaksanakan arahan-aranah keselamatan Kerajaan dengan mendapat nasihat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan tugas-tugas keselamatan perlindungan di Jabatan berkenaan, satu JKP yang dipengerusikan oleh PKJ hendaklah ditubuhkan.
- (d) Penubuhan JKP adalah penting bagi menjamin keselamatan aset, kerahsiaan serta kelangsungan perkhidmatan Kerajaan. Melalui JKP, langkah-langkah keselamatan perlindungan dapat dirancang dan dipantau, sebarang isu keselamatan dapat dikenalpasti dan ditangani serta langkah penambahbaikan dapat diambil bagi meningkatkan kualiti sistem keselamatan perlindungan.

## BAB 3


### FUNGSI DAN PERANAN

#### 3.1 FUNGSI DAN PERANAN

JKP merupakan salah satu elemen penggerak bagi JKJK yang ditubuhkan di bawah perenggan 28 Arahan Keselamatan bagi memberi nasihat kepada Jemaah Menteri dalam menetapkan dasar keselamatan perlindungan kerajaan. JKJK yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai oleh Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan terpilih berperanan

untuk membantu Jemaah Menteri dalam menetapkan dasar, peraturan dan prosedur bagi mengekang ancaman keselamatan semasa serta merencana tindakan yang perlu diambil dalam menangani insiden-insiden pelanggaran keselamatan yang berlaku. Hubungan aliran tadbir urus JKJK dan JKP di peringkat persekutuan dan negeri adalah seperti di Rajah 1.

### 3.2 STRUKTUR JAWATANKUASA DAN TERMA RUJUKAN



**Rajah 1: Hubungan Aliran Tadbir Urus Keselamatan Perlindungan Kerajaan**

- (a) CGSO melalui Bahagian Inspektorat Pematuhan dan Pengiktirafan merupakan urusetia JKJK di peringkat kebangsaan berperanan untuk memastikan tadbir urus yang teratur dan menepati matlamat yang digariskan. Sebarang isu yang dikenalpasti di peringkat JKP boleh dibawa ke peringkat JKJK bagi mendapatkan penyelesaian dan diambil tindakan

yang sewajarnya. Sekiranya memerlukan tindakan yang melibatkan perubahan dasar, isu tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk dibincangkan dengan lebih lanjut. Kekerapan Mesyuarat JKJK adalah sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

- (b) Kementerian atau SUK Negeri perlu memastikan jabatan di bawah seliaan masing-masing mengadakan Mesyuarat JKP seperti yang ditetapkan dan menghantar pelaporan dan sebarang isu ke peringkat JKJK jika perlu.

### **3.3 TERMA RUJUKAN**

JKP hendaklah melaksanakan keperluan pengurusan keselamatan perlindungan yang diperuntukkan dalam Arahan Keselamatan meliputi Dasar Keselamatan Perlindungan, Keselamatan Fizikal, Keselamatan Rahsia Rasmi, Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT), Keselamatan Peribadi dan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan. Terma rujukan bagi JKP adalah seperti yang berikut:

- i) memuktamadkan pernyataan Dasar Keselamatan Perlindungan di Jabatan bagi persetujuan Ketua Jabatan seperti contoh di **Lampiran 1**;
- ii) mengesahkan pelan keselamatan perlindungan merangkumi langkah-langkah keselamatan fizikal, keselamatan rahsia rasmi, keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT, keselamatan peribadi dan pelan kesinambungan perkhidmatan serta memantau pelaksanaannya;
- iii) memastikan pematuhan terhadap keselamatan perlindungan dan menjalankan pemeriksaan dalaman secara berkala selaras dengan Arahan Keselamatan;

- iv) menentukan program pemeriksaan, kesedaran dan latihan bagi membudayakan keselamatan perlindungan;
- v) membincangkan isu-isu keselamatan perlindungan seperti tapisan keselamatan, kawalan keselamatan, pengendalian dokumen rahsia rasmi, sasaran penting, kawasan larangan tempat larangan dan lain-lain yang bersetujuan;
- vi) mengenal pasti sebarang keperluan penambahbaikan kelengkapan keselamatan perlindungan berdasarkan fakta sebenar, kewangan, perundangan, amalan terbaik dan penilaian risiko;
- vii) menjalankan siasatan dalaman dan pelaporan kepada CGSO terhadap sebarang insiden atau pelanggaran keselamatan;
- viii) menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak-pihak keselamatan yang berkaitan;
- ix) Melaporkan dan membantu pihak keselamatan berkaitan penularan dokumen yang melibatkan aktiviti luar jangka seperti espionaj, sabotaj, ancaman siber atau bencana dan lain-lain yang difikirkan perlu; dan
- x) melaporkan kepada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi jabatan masing-masing berhubung status semasa keselamatan perlindungan.

### **3.4 STRUKTUR JAWATANKUASA**

(a) Struktur JKP hendaklah terdiri daripada:-

Pengerusi	-	Ketua Jabatan
Pengerusi Ganti	-	PKJ
Setiausaha	-	Pegawai Kader CGSO daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau PPKJ di bahagian/seksyen/unit khidmat pengurusan/pentadbiran;
Ahli	-	PPKJ di bahagian/seksyen/unit;
	-	Lain-lain kakitangan mengikut keperluan; dan
Urus Setia	-	Bahagian/seksyen/unit keselamatan atau pentadbiran.

- (b) Setiap Jabatan hendaklah melantik seorang Timbalan Ketua Jabatan atau pegawai kanan selepas ketua jabatan sebagai PKJ dan diberi tanggungjawab sebagai pengerusi ganti Mesyuarat JKP;
- (c) Sekurang-kurangnya seorang PPKJ daripada Bahagian/Seksyen/Unit perlu dilantik bagi membantu Ketua Jabatan dan PKJ dalam melaksanakan tugas yang berkaitan hal ehwal Keselamatan perlindungan di Jabatan;
- (d) Jawatankuasa kecil boleh ditubuhkan mengikut keperluan bagi menangani sebarang isu keselamatan dengan berkesan.

### **3.5 OBJEKTIF PENUBUHAN JKP**

JKP ditubuhkan dengan objektif-objektif seperti yang berikut:

- i) menjadi platform untuk membincangkan isu-isu Keselamatan Perlindungan yang dibangkitkan hasil daripada penemuan semasa inspektorat keselamatan perlindungan yang dijalankan secara kendiri;

- ii) memastikan tindakan pencegahan dan pembetulan di ambil supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang; dan
- iii) mematuhi segala peraturan dan menentukan pelaksanaan sistem keselamatan perlindungan yang terkandung dalam Arahan Keselamatan tercapai dan berkesan.

### **3.6 PERKARA YANG DIBINCANGKAN**

Antara perkara-perkara yang boleh dibincangkan oleh JKP adalah:-

- i) perihalan berkaitan keselamatan perlindungan (Pematuhan kepada arahan-arahan keselamatan yang berkaitan);
- ii) insiden dan pelaporan siasatan pelanggaran keselamatan;
- iii) pelaksanaan inspektorat dalaman/kendiri dan pelaporan;
- iv) pematuhan/penambahbaikan hasil teguran Inspektorat Pematuhan/ Mengejut/Susulan;
- v) perkara-perkara berkaitan Dasar Keselamatan Perlindungan Jabatan; dan
- vi) PKJ dan PPKJ yang dilantik perlu menghadiri kursus profesionalisme PKJ/PPKJ yang dianjurkan oleh CGSO bagi meningkatkan keberkesanan dan kefahaman dalam bidang keselamatan perlindungan.

## **BAB 4**

### **PELAKSANAAN**

#### **4.1 KEKERAPAN MESYUARAT**

JKP hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun dan mesyuarat tambahan boleh dibuat pada bila-bila masa sekiranya diperlukan.

#### **4.2 PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN**

##### **(a) PENILAIAN KENDIRI**

PKJ hendaklah melaksanakan penilaian kendiri sekurang-kurangnya sekali setahun dan melaporkan status tahap keselamatan jabatan dalam Mesyuarat JKP.

##### **(b) INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN CGSO**

Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Pejabat CGSO Negeri sekurang-kurangnya sekali setahun bagi melaporkan tahap pelaksanaan keselamatan perlindungan di Jabatan merangkumi tadbir urus dan langkah-langkah keselamatan fizikal, keselamatan rahsia rasmi, keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT, keselamatan peribadi dan pelan kesinambungan perkhidmatan.

##### **(c) PEMBUDAYAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pegawai awam di jabatannya mengikuti program Pendidikan keselamatan perlindungan dan memasukkan modul keselamatan perlindungan dalam kurikulum kursus di semua jabatan.

#### **(d) LAPORAN PELANGGARAN KESELAMATAN**

PKJ yang mengetahui, mengesan atau mengesyaki kejadian atau perbuatan pelanggaran keselamatan dikehendaki melaporkannya dengan serta merta kepada JKP dan Pejabat CGSO. Laporan tersebut hendaklah mengandungi pandangan, taksiran bahaya dan Langkah-langkah penambahbaikan terhadap aspek keselamatan di jabatannya.

### **BAB 5**

#### **PELAPORAN**

##### **5.1 MATLAMAT PELAPORAN**

Tujuan laporan ini disediakan adalah untuk memberikan panduan lengkap dan tersusun mengenai penyediaan laporan jawatankuasa agar dapat menghasilkan sebuah laporan yang berkualiti bagi memenuhi objektif dan hasil perbincangan yang telah diadakan.

##### **5.2 KAEADAH PELAPORAN**

- (a) Tajuk pelaporan;
- (b) Pihak yang menyediakan pelaporan;
- (c) Tujuan utama pelaporan berkenaan disediakan;
- (d) Isu-isu penting yang dibangkitkan dalam pelaporan;
- (e) Pandangan atau ulasan ahli mesyuarat berkenaan isu yang dibangkitkan dalam pelaporan; dan
- (f) Keputusan mesyuarat terhadap pelaporan/ tindakan penghargaan/ susulan.

Format pelaporan adalah seperti di **Lampiran 2**.

## **BAB 6**

### **PENUTUP**

Panduan ini mengandungi prosedur tindakan yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan bagi memastikan PKJ dan PPKJ yang berkenaan melaksanakan arahan keselamatan perlindungan serta memberikan panduan yang jelas berhubung dengan penubuhan JKP dalam membudayakan pengurusan keselamatan perlindungan yang lebih berkesan di Jabatan-Jabatan Kerajaan.



&lt;KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI&gt;

## DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

<KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI> beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui pelaksanaan Arahan Keselamatan. <KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI> komited untuk menjayakan dasar tersebut dengan—

1. memastikan pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab terhadap pematuhan Arahan Keselamatan Kerajaan;
2. memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip “Defence-in-Depth” yang bertujuan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan supaya persekitaran tempat kerja yang selamat diwujudkan;
3. memastikan kawalan dan perlindungan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikomproni dan mencegah akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang ketirisan maklumat rahsia rasmi;
4. memastikan kawalan keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT diwujudkan, dilaksanakan, dikawal, dinilai dan dibuat penambahbaikan secara berterusan bagi menjamin objektif Dasar Keselamatan ICT <KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI> dan sistem penyampaian perkhidmatan tercapai;
5. memastikan langkah-langkah keselamatan peribadi dipatuhi sepenuhnya supaya warga <KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI>, komuniti keselamatan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa mempunyai kesedaran untuk melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut undang-undang, dasar dan peraturan Kerajaan yang ditetapkan; dan
6. memastikan pengurusan kesinambungan perkhidmatan keselamatan perlindungan yang holistik bagi mengekalkan ketersediaan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (*disruption*) dan fungsi normal segera dibaik pulih dalam tempoh masa yang ditetapkan.

t.t

(NAMA)

(JAWATAN)

(KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI)

(TARIKH)

**LAMPIRAN 2**



**LAPORAN JAWATANKUASA KESELAMATAN PERLINDUNGAN BILANGAN \_\_\_\_\_ TAHUN \_\_\_\_\_**

Kementerian/ Jabatan/ Agensi : \_\_\_\_\_  
Tempat Mesyuarat : \_\_\_\_\_  
Tarikh Mesyuarat : \_\_\_\_\_  
Masa : \_\_\_\_\_

**1. SENARAI JAWATANKUASA KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

BIL	PERANAN	NAMA	JAWATAN DAN BAHAGIAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH KURSUS
1.	PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ)				
2.	PENOLONG KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)				
3.	PENOLONG KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)				
4.	PENOLONG KESELAMATAN JABATAN (PPKJ)				
5.	SETIAUSAHA				

**2. LAPORAN PENGURUSAN RAHSIA RASMI KERAJAAN**

BIL	NAMA PEGAWAI PENGELAS	JAWATAN DAN BAHAGIAN	TAARIKH PELANTIKAN	TAARIKH KURSUS

BIL	NAMA PENDAFTAR RAHSIA	JAWATAN DAN BAHAGIAN	TAARIKH PELANTIKAN	STATUS TAPISAN KESELAMATAN

### **3. LAPORAN KESELAMATAN FIZIKAL**

<b>BIL</b>	<b>LANGKAH KESELAMATAN</b>	<b>STATUS SEMASA</b>	<b>CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>	<b>CATATAN</b>
1.	TELEVISYEN LITAR TERUTUTUP (CCTV)			
2.	PAGAR PERIMETER			
3.	LAMPU PENCAHAYAAN			
4.	PINTU KELUAR MASUK			
5.	PONDOK PENGAWAL			
6.	PENGAWAL KESELAMATAN			
7.	PAS KESELAMATAN			
8.	KAWALAN KESELAMATAN	KUNCI		
9.	KAWALAN MESIN PENYALIN			

**4. LAPORAN KESELAMATAN RAHSIA RASMI DALAM PERSEKITARAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)**

BIL	NAMA SISTEM APLIKASI YANG MENYIMPAN MAKLUMAT RAHSIA RASMI	TARIKH SISTEM DIBANGUNKAN	KLASIFIKASI DATA/ MAKLUMAT	STATUS	RUJUKAN PELUPUSAN
BIL	NAMA SISTEM APLIKASI YANG MENYIMPAN MAKLUMAT RAHSIA RASMI	TARIKH SISTEM DIBANGUNKAN	KLASIFIKASI DATA/ MAKLUMAT	STATUS	RUJUKAN PELUPUSAN
BIL	NAMA PERALATAN ICT	TARIKH PEROLEHAN / TEMPOH SEWAAN	KLASIFIKASI DATA/ MAKLUMAT	STATUS SANITASI	RUJUKAN PELUPUSAN

**5. LAPORAN KESELAMATAN PERIBADI**

BIL	NAMA BAHAGIAN/UNIT	PERATU PERAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN			PERATU MELENGKAPKAN PERAKUAN BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]			
		PENJAWAT AWAM	VENDOR/ KONTRAKTOR	TAPISAN SEMULA	JAWATAN KESELAMATAN BERJADUAL	LAMPIRAN C	LAMPIRAN D	LAMPIRAN E

## 6. LAPORAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP)

BIL	PERANAN	NAMA PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	JAWATAN DAN BAHAGIAN	STATUS
1.	PELAN INDUK PKP			
2.	PELAN TINDAK BALAS KECEMASAN (ERP)		*BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	
3.	PELAN TINDAK BALAS BENCANA (DRP)		*BAHAGIAN ICT	
4.	PELAN KOMUNIKASI KRISIS (CCP)		*BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT	

Ulasan :

---



---



---

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

(Nama)  
Urusetia Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan

(Nama)  
Pegawai Keselamatan Jabatan

Tarikh :

## LAPORAN AWAL INSIDEN PELANGGARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

### 1. MAKLUMAT AGENSI

Nama Pelapor : .....

Nama Agensi : .....

Alamat Penuh Agensi : .....

.....

Tarikh Kejadian : .....

Masa Kejadian : .....

Lokasi Kejadian : .....

Alamat e-Mel : .....

### 2. MAKLUMAT INSIDEN (Sila tandakan “X” pada kotak yang berkenaan)

- Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)
- Bukan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Non-ICT)

Jenis Insiden :

.....  
.....

Keterangan Insiden :

.....  
.....  
.....

Punca Insiden :

.....  
.....  
.....

**3. IMPAK DAN RISIKO DARI INSIDEN :**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**4. TINDAKAN PEMBETULAN :**

Tindakan Awal Yang Telah Dilaksanakan Agensi :

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tindakan Lanjut Yang Akan Dilaksanakan Agensi :

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(Sila tandakan “X” pada kotak yang berkenaan)

**5. Adakah BCP/DRP Diaktifkan?**  Ya.  Tidak.

**6. Adakah Tindakan Undang-Undang Diambil?**  Ya.  Tidak.

**7. MAKLUMAT TAMBAHAN UNTUK DIBERI MAKLUM (PEGAWAI TERLIBAT,  
TANGKAPAN DAN STATUS INSIDEN) :**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**PENGESAHAN :**

.....  
.....

**(KETUA JABATAN)**

**TARIKH :**